

## PROSEDUR PERMOHONAN MEMBUKA/MENGAKTIFKAN AKAUN

1. Sila lakukan carian rasmi berbayar bagi status kebangkrapan di portal e-Insolvensi yang boleh dicapai di alamat <https://e-insolvensi.mdi.gov.my/>. Cetak sijil carian rasmi tersebut. Sijil carian rasmi kebangkrapan mengandungi maklumat kebangkrapan individu termasuk no. kes mahkamah dan cawangan kes yang mentadbir kebangkrapan individu tersebut ;
2. Muat turun Borang Permohonan Membuka/Mengaktifkan Akaun di laman sesawang Mdi iaitu [www.mdi.gov.my](http://www.mdi.gov.my) ;
3. Sila juga senarai e-mel di bawah untuk mendapatkan alamat e-mel bagi Pengarah Insolvensi Negeri/Ketua Cawangan/Ketua Unit Kebankrapan/Pegawai Insolvensi yang mentadbir kes kebangkrapan tersebut. Maklumat cawangan yang mentadbir kes tersebut boleh diperolehi dari carian rasmi berbayar kebangkrapan sebagaimana yang dinyatakan di perenggan (a) di atas ;
4. Lengkapkan Borang Permohonan Membuka/Mengaktifkan Akaun tersebut. Sila rujuk maklumat yang diperlukan bagi mengisi borang tersebut dengan meneliti sijil rasmi carian kebangkrapan yang telah diperolehi;
5. Sila pastikan anda menyemak sama ada bank pilihan anda untuk membuka/mengaktifkan akaun bank tersebut menerima permohonan untuk membuka/mengaktifkan akaun bank dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

**Peringatan/Penafian: Mdi tidak akan bertanggungjawab di atas kegagalan bankrap mendapatkan kelulusan membuka/mengaktifkan akaun bank di bank yang dipilih bankrap. Mdi juga tidak akan melayan permohonan berulang oleh bankrap di atas kelalaian bankrap sendiri;**

6. Sila isikan Borang Permohonan Membuka/Mengaktifkan Akaun tersebut dengan lengkap dan e-mel borang tersebut kepada alamat e-mel cawangan yang mentadbir kes anda;
7. Permohonan anda akan diproses dalam tempoh (3) hingga (7) hari bekerja. Surat kelulusan membuka/mengaktifkan akaun bersama surat akui sah akan dihantar menerusi e-mel kepada anda; dan
8. Sila kemukakan surat-surat tersebut kepada bank semasa membuat permohonan untuk membuka/mengaktifkan akaun.

**Senarai e-mel cawangan untuk dihubungi**

Bil.	Cawangan Mdi	E-mel untuk dihubungi
1.	Kuala Lumpur	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:suhaily.samsudin@mdi.gov.my">suhaily.samsudin@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:izalina.rajaai@mdi.gov.my">izalina.rajaai@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:shamsimar.hidir@mdi.gov.my">shamsimar.hidir@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:gisela.matthew@mdi.gov.my">gisela.matthew@mdi.gov.my</a></li> </ul>
2.	Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:shafrida.hashim@mdi.gov.my">shafrida.hashim@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:annerina.haja@mdi.gov.my">annerina.haja@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:shaharuddin.daud@mdi.gov.my">shaharuddin.daud@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:alia.manaf@mdi.gov.my">alia.manaf@mdi.gov.my</a></li> </ul>
3.	Johor Bahru	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:juanita.said@mdi.gov.my">juanita.said@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:nazry.dakeran@mdi.gov.my">nazry.dakeran@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:aliza.othman@mdi.gov.my">aliza.othman@mdi.gov.my</a></li> </ul>
4.	Muar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:azizah.hasan@mdi.gov.my">azizah.hasan@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:sitizulaikha.zaini@mdi.gov.my">sitizulaikha.zaini@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:norfaizah.abubakar@mdi.gov.my">norfaizah.abubakar@mdi.gov.my</a></li> </ul>
5.	Pulau Pinang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:syafawati.wahab@mdi.gov.my">syafawati.wahab@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:soria.ibrahim@mdi.gov.my">soria.ibrahim@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:syaheerah.kamar@mdi.gov.my">syaheerah.kamar@mdi.gov.my</a></li> </ul>

6.	Ipoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:azlena.hashim@mdi.gov.my">azlena.hashim@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:roziha.hamat@mdi.gov.my">roziha.hamat@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:zulkefli.hassan@mdi.gov.my">zulkefli.hassan@mdi.gov.my</a></li> </ul>
7.	Taiping	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:zulkurnain.yaman@mdi.gov.my">zulkurnain.yaman@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:azizi.abubakar@mdi.gov.my">azizi.abubakar@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:atikah.razali@mdi.gov.my">atikah.razali@mdi.gov.my</a></li> </ul>
8.	Kuantan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:norliza.abdullah@mdi.gov.my">norliza.abdullah@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:hafiz.zakaria@mdi.gov.my">hafiz.zakaria@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:norsaharina.hassan@mdi.gov.my">norsaharina.hassan@mdi.gov.my</a></li> </ul>
9.	Temerloh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:norhazalifa.zakaria@mdi.gov.my">norhazalifa.zakaria@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:nurdiyana.abdullah@mdi.gov.my">nurdiyana.abdullah@mdi.gov.my</a></li> </ul>
10.	Terengganu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:suzanne.bimen@mdi.gov.my">suzanne.bimen@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:marhamah.usoh@mdi.gov.my">marhamah.usoh@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:nurulwahidah.hitam@mdi.gov.my">nurulwahidah.hitam@mdi.gov.my</a></li> </ul>
11.	Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:mariah.omar@mdi.gov.my">mariah.omar@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:hasliza.hussin@mdi.gov.my">hasliza.hussin@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:syamsul.nordin@mdi.gov.my">syamsul.nordin@mdi.gov.my</a></li> </ul>
12.	Kota Kinabalu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:monica.linsua@mdi.gov.my">monica.linsua@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:nasimah.bujang@mdi.gov.my">nasimah.bujang@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:junainah.jamahat@mdi.gov.my">junainah.jamahat@mdi.gov.my</a></li> </ul>
13.	Sandakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:margaret.gijeh@mdi.gov.my">margaret.gijeh@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:lejbianah.kundi@mdi.gov.my">lejbianah.kundi@mdi.gov.my</a></li> </ul>
14.	Tawau	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:suriyati.ismail@mdi.gov.my">suriyati.ismail@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:mahadir.ismail@mdi.gov.my">mahadir.ismail@mdi.gov.my</a></li> </ul>
15.	Kuching	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:adibah.zainal@mdi.gov.my">adibah.zainal@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:timothy.bilong@mdi.gov.my">timothy.bilong@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:frederick.wellington@mdi.gov.my">frederick.wellington@mdi.gov.my</a></li> </ul>
16.	Miri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:jolita.ijom@mdi.gov.my">jolita.ijom@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:azibah.kassim@mdi.gov.my">azibah.kassim@mdi.gov.my</a></li> </ul>
17.	Sibu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:idlen.ibus@mdi.gov.my">idlen.ibus@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:jennifer.melian@mdi.gov.my">jennifer.melian@mdi.gov.my</a></li> </ul>
18.	Kedah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:rehab.shukur@mdi.gov.my">rehab.shukur@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:norzalina.cheng@mdi.gov.my">norzalina.cheng@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:amirul.mahamad@mdi.gov.my">amirul.mahamad@mdi.gov.my</a></li> </ul>
19.	Negeri Sembilan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:atiqah.mohamed@mdi.gov.my">atiqah.mohamed@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:hidayah.suleiman@mdi.gov.my">hidayah.suleiman@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:rosmawati.ghani@mdi.gov.my">rosmawati.ghani@mdi.gov.my</a></li> </ul>

20.	Melaka	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:faizah.randeran@mdi.gov.my">faizah.randeran@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:nurbaiduri.zainuddin@mdi.gov.my">nurbaiduri.zainuddin@mdi.gov.my</a></li> </ul>
21.	Perlis	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="mailto:zaki.razak@mdi.gov.my">zaki.razak@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:suriyanti.abdul@mdi.gov.my">suriyanti.abdul@mdi.gov.my</a></li> <li>• <a href="mailto:jayanthi.periasamy@mdi.gov.my">jayanthi.periasamy@mdi.gov.my</a></li> </ul>

### **Soalan Lazim**

1. Bagaimanakah saya boleh memohon untuk penangguhan ansuran bulanan bagi estet kebangkrapan saya?

Jawapan: Penangguhan ansuran bulanan bagi estet kebangkrapan adalah automatik bagi setiap bankrap mulai bulan April hingga September 2020 seperti kenyataan media Mdi bertarikh 31.3.2020.

2. Adakah individu bankrap layak menerima Bantuan Prihatin Nasional (kendalian LHDN) dan/atau skim i-Lestari (kendalian KWSP)?

Jawapan: Ya. Sila rujuk kenyataan media LHDN/KWSP.

3. Apakah peranan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) bagi seorang individu bankrap berkaitan dengan Bantuan Prihatin Nasional dan/atau skim i-Lestari?

Jawapan: Individu bankrap perlu mendapatkan kebenaran Mdi untuk membuka/mengaktifkan akaun bank bagi menerima bayaran bagi kedua-dua skim tersebut. Walau bagaimanapun, individu bankrap boleh mendapatkan bayaran secara tunai dari skim tersebut (sila hubungi LHDN/KWSP untuk maklumat lanjut).

4. Apakah jenis akaun bank yang dibenarkan untuk dibuka/diaktifkan bagi tujuan penerimaan bayaran Bantuan Prihatin Nasional/skim i-Lestari?

Jawapan: Akaun simpanan peribadi sahaja.

5. Bagaimana cara untuk saya memohon kebenaran Mdi untuk membuka/mengaktifkan akaun bank untuk tujuan penerimaan bayaran Bantuan Prihatin Nasional/ skim i-Lestari?

Jawapan:

- a. Sila lakukan carian rasmi berbayar bagi status kebangkrapan di portal e-Insolvensi yang boleh dicapai di alamat <https://e-insolvensi.mdi.gov.my/>. Cetak sijil carian rasmi tersebut. Sijil carian rasmi kebangkrapan mengandungi maklumat kebangkrapan individu termasuk no. kes mahkamah dan cawangan kes yang mentadbir kebangkrapan individu tersebut ;
- b. Muat turun Borang Permohonan Membuka/Mengaktifkan Akaun di laman sesawang Mdi iaitu [www.mdi.gov.my](http://www.mdi.gov.my) ;
- c. Sila juga rujuk direktori Mdi di laman sesawang Mdi tersebut untuk mendapatkan alamat e-mel bagi Pengarah Insolvensi Negeri/Ketua Cawangan yang mentadbir kes kebangkrapan tersebut. Maklumat cawangan yang mentadbir kes tersebut boleh diperolehi dari carian rasmi berbayar kebangkrapan sebagaimana yang dinyatakan di perenggan (a) di atas ;
- d. Lengkapkan Borang Permohonan Membuka/Mengaktifkan Akaun tersebut. Sila rujuk maklumat yang diperlukan bagi mengisi borang tersebut dengan meneliti sijil rasmi carian kebangkrapan yang telah diperolehi;
- e. Sila pastikan anda menyemak sama ada bank pilihan anda untuk membuka/mengaktifkan akaun bank tersebut menerima permohonan untuk membuka/mengaktifkan akaun bank dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

**Peringatan/Penafian: Mdl tidak akan bertanggungjawab di atas kegagalan bankrap mendapatkan kelulusan membuka/mengaktifkan akaun bank di bank yang dipilih bankrap. Mdl juga tidak akan melayan permohonan berulang oleh bankrap di atas kelalaian bankrap sendiri;**

- f. Sila isikan Borang Permohonan Membuka/Mengaktifkan Akaun tersebut dengan lengkap dan e-mel borang tersebut kepada alamat e-mel cawangan yang mentadbir kes anda;
- g. Permohonan anda akan diproses dalam tempoh (3) hingga (7) hari bekerja. Surat kelulusan membuka/mengaktifkan akaun bersama surat akui sah akan dihantar menerusi e-mel kepada anda; dan
- h. Sila kemukakan surat-surat tersebut kepada bank semasa membuat permohonan untuk membuka/mengaktifkan akaun.

6. Adakah pihak Mdl akan membuat potongan bagi wang bayaran Bantuan Prihatin Nasional/skim i-Lestari yang diterima bankrap?

Jawapan: Tidak.

7. Bagaimanakah pihak bank boleh mendapat pengesahan sama ada surat kelulusan pembukaan/pengaktifan akaun bank yang dikemukakan oleh bankrap adalah sah?

Jawapan: Pihak bank boleh menghubungi cawangan Mdl yang memberikan kelulusan tersebut menerusi e-mel. Sila mohon pengesahan surat tersebut sama ada kepada Pengarah Insolvensi Negeri atau Ketua Unit Kebankrapan. Alamat e-mel mereka boleh didapati di direktori Mdl di laman sesawang [www.mdi.gov.my](http://www.mdi.gov.my).

8. Adakah saya perlu hadir ke cawangan Mdl yang mentadbir kes saya selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) walaupun kelulusan membuka/mengaktifkan akaun telah diperolehi memandangkan saya tidak pernah hadir sebelum ini ke Mdl?

Jawapan: Ya, anda perlu hadir ke cawangan Mdl yang mentadbir kes anda selewat-lewatnya (3) bulan selepas tamat tarikh PKP. Kegagalan anda berbuat demikian membolehkan pihak Mdi membatalkan kelulusan membuka/mengaktifkan akaun tersebut yang menyebabkan akaun bank anda akan dibekukan/ditutup.

9. Adakah akaun bank yang telah diluluskan boleh digunakan oleh bankrap selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat?

Jawapan: Boleh digunakan dengan syarat-syarat tertentu. Bagi bankrap yang tidak pernah hadir ke cawangan Mdl yang mentadbir kes beliau, bankrap perlu hadir ke cawangan cawangan Mdl yang mentadbir kes anda selewat-lewatnya (3) bulan selepas tamat tarikh PKP. Manakala bagi bankrap yang pernah hadir ke cawangan Mdl yang mentadbir kes beliau, bankrap harus memberikan kerjasama yang memuaskan kepada Mdl di dalam pentadbiran kes bankrap. Kegagalan mematuhi syarat di atas boleh mengakibatkan akaun bank yang telah diluluskan dibekukan/ditutup.

10. Adakah saya boleh membuat permohonan lain kepada cawangan Mdl semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

Jawapan: Cawangan Mdl diseluruh negara tidak beroperasi dan hanya menerima permohonan secara atas talian bagi tujuan pembukaan/pengaktifan akaun bank sahaja. Lain-lain permohonan yang dikemukakan hanya akan diproses selepas tempoh PKP berakhir atau sebaik sahaja pejabat Mdl beroperasi seperti biasa tertakluk kepada arahan semasa Kerajaan.